



KEMENTERIAN KEWANGAN

NOTA KEPADA PENGARANG

TARIKH : 4 SEPTEMBER 2026 (JUMAAT)
TAJUK : PROGRAM SATU PEMIMPIN SATU KAMPUNG (SANTUNI MADANI)
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN

Tuan Pengarang/Editor/Ketua Biro yang dihormati,

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) akan menganjurkan **Program Satu Pemimpin Satu Kampung (Santuni MADANI)** yang akan dirasmikan oleh **YBhg. Dato' Sr Abdul Razak Bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta.**

3. Sukacitanya pihak kami amat berbesar hati mengundang tuan atau wakil tuan untuk menghadiri dan membuat liputan media di program ini yang akan diadakan pada tarikh, masa, dan tempat seperti berikut:-

Tarikh	: 6 September 2026 (Ahad)
Masa	: 08.00 pagi (Ketibaan undangan) : 11.30 pagi (Majlis rasmi)
Perasmi	: YBhg Dato' Sr Abdul Razak Bin Yusak Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Tempat	: Dewan Terbuka, Kampung Linau Besar, Batu Pahat, Johor

4. Program ini diadakan bersempena dengan lanjutan pelaksanaan Program Satu Pemimpin Satu Kampung (Santuni MADANI) yang telah pun bermula pada tahun 2025 melibatkan projek fizikal, program ziarah kasih dan program sukan bersama masyarakat setempat. Pada masa sama, program ini juga bertujuan untuk memperkayakan sikap cakna pemimpin menyantuni dan menjadi suri teladan kepada penduduk kampung kelahiran, tempat membesar masing-masing atau kampung yang dipilih.

5. Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) amat menghargai pengesahan kehadiran wakil media melalui pautan [PENGESAHAN KEHADIRAN](#) atau **imbas Kod QR selewat-lewatnya pada 5 September 2026 (Sabtu), jam 2.00 petang** untuk tujuan penyelarasan. Sila bawa Kad Perakuan Media dan dimohon tiba sebelum majlis berlangsung bagi urusan pendaftaran.

6. Bersama-sama ini disertakan atur cara program berkenaan untuk makluman dan rujukan tuan selanjutnya.

Kerjasama tuan dalam menghadiri program ini adalah sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh

Urus Setia

Program Satu Pemimpin Satu Kampung (Santuni MADANI)
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Sebarang maklumat lanjut, hubungi: **En. Muhammad Hasbullah Hanif Bin Tajuddin**
03-8886 9189 / 011-29263163

ATUR CARA

PROGRAM SATU PEMIMPIN SATU KAMPUNG (SANTUNI MADANI)
JABATAN PENILAIAN DAN PRIKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN
KAMPUNG LINAU, BATU PAHAT, JOHOR

MASA	PROGRAM	LOKASI
8.00 pagi	Ketibaan tetamu undangan	Dewan Terbuka, Kampung Linau Besar, Batu Pahat
9.00 pagi	Pertandingan (Mewarna/Congkak/Gubahan/Dam Aji)	
10.00 pagi	Taklimat Harta Pusaka	
11.30 pagi	Ketibaan YBhg. Dato' Sr Abdul Razak bin Yusak, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta • Nyanyian Lagu Negaraku • Nyanyian Lagu Negeri Johor • Bacaan Doa • Persembahan Pembukaan • Ucapan Perasmian oleh YBhg. Dato' Sr Abdul Razak bin Yusak Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta • Gimik Perasmian • Tayangan Montaj • Penyampaian Hadiah & Cabutan Rezeki	
1.00 petang	Jamuan makan dan persembahan	
2.00 petang	Program selesai dan bersurai	

Sila imbas Kod QR di bawah untuk mengisi kehadiran:



**PROGRAM SATU PEMIMPIN
SATU KAMPUNG
(SANTUNI MADANI)**

**JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN**



MEDIA

